



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

For Immediate Release

TELCOs' COOPERATION NEEDED TO ENHANCE MERS999 FOR DISASTER PREPAREDNESS

CYBERJAYA, 24 June 2015 --- The telcos' cooperation is needed to enhance the effectiveness of the Malaysian Emergency Response Services (MERS999), said the Chairman of the Malaysian Communications and Multimedia Commission, Dato' Sri Dr Halim Shafie.

"To be fully effective, MERS999 must be able to locate more accurately the caller to provide immediate help. The issue arises when the data to accurately locate the caller is not made available by the telcos. Currently, the telcos only allow the service to have access to the registered address of the caller, which is often not enough in emergency situations. What we need is the telcos' network data which can improve the accuracy of the location of the emergency calls. Although a Commission Direction has been issued, not all telcos have agreed to cooperate.

"We understand that the telcos have competitive reasons for not releasing data to MERS999 operator, TM Berhad. However, the safety of Malaysians, particularly when lives can be saved, should take precedence, and particularly when those competitive fears can be mitigated."

Dr Halim explained that the Automated Location Identification (ALI) system is especially important because MCMC and the Ministry of Communications and Multimedia are targeting to launch the enhanced service prior to the Disaster Preparedness Month which will be throughout the month of October. Apart from the floods, the recent Sabah earthquake and the mudslides also point to the necessity of having a more effective MERS999 system.

Dr Halim emphasized that MERS999 is established for the benefit of the people and improve emergency response by the Police (PDRM), Fire and Rescue Department (Bomba), Ministry of Health (KKM), Department of Civil Defence and Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM). MERS999 is an initiative by the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia and TM Berhad. MERS999 has three strategic objectives: -

- i) the protection and safety of human life,
- ii) the preservation and protection of property and environment, and
- iii) the improvement of quality in life and social conditions for the public.

In 2013, an enhancement of MERS999, called "SaveME 999" was launched by the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia, TM Berhad and supported by the Ministry of Women Family and Community Development for the benefit of **Persons with Disabilities (PWD)**.

END

Untuk Siaran Segera

KERJASAMA SYARIKAT TELEKOMUNIKASI DIPERLUKAN UNTUK PERTINGKAT MERS999 UNTUK KESIAPSIAGAAN BENCANA

CYBERJAYA, 24 Jun 2015 --- Kerjasama semua syarikat telekomunikasi (telco) adalah diperlukan bagi memastikan keberkesanan *Malaysian Emergency Response Services (MERS999)*, kata Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Dato' Sri Dr. Halim Shafie.

“Bagi memastikan ia berkesan sepenuhnya, MERS999 mesti berupaya untuk menjejaki dengan tepat si pemanggil bagi memberikan bantuan segera. Isu tersebut berbangkit apabila data untuk menjejaki si pemanggil tidak tersedia oleh pihak *telco*. Ketika ini, *telco* hanya membenarkan perkhidmatan berkenaan mempunyai akses kepada alamat berdaftar si pemanggil, dan sering kali tidak memadai dalam situasi-situasi kecemasan. Apa yang kita perlukan ialah rangkaian data *telco* yang dapat mempertingkatkan ketepatan lokasi panggilan-panggilan kecemasan tersebut. Walaupun satu arahan Suruhanjaya telah dikeluarkan, tidak semua *telco* yang bersetuju untuk bekerjasama.

“Kami faham pihak *telco* mempunyai alasan kompetitif untuk tidak mengeluarkan data kepada pengendali MERS999, TM Berhad. Bagaimanapun, keselamatan rakyat Malaysia, terutamanya apabila nyawa-nyawa yang boleh diselamatkan, harus diutamakan dan juga apabila kebimbangan-kebimbangan kompetitif terbabit boleh dikurangkan.”

Dr. Halim menjelaskan, sistem pengenalpastian lokasi automatik atau *Automatic Location Identification (ALI)* adalah cukup penting kerana MCMC dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia sedang menasarkannya untuk melancarkan perkhidmatan yang lebih baik sebelum Bulan Kesiapsiagaan Bencana yang akan berlangsung sepanjang Oktober. Selain banjir, gempa bumi di Sabah dan banjir lumpur turut menunjukkan kepada keperluan untuk mempunyai sebuah sistem MERS999 yang lebih berkesan.

Dr. Halim menekankan MERS999 ditubuhkan demi manfaat rakyat selain mempertingkatkan tindak balas kecemasan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pertahanan Awam dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). MERS999 merupakan satu inisiatif oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan TM Berhad. MERS999 mempunyai tiga objektif strategik:-

- i) perlindungan dan keselamatan nyawa manusia,
- ii) pemeliharaan dan perlindungan harta benda dan alam sekitar, dan
- iii) peningkatan dari segi kualiti kehidupan dan sosial untuk orang awam.

Pada 2013, satu projek penambahbaikan MERS999 yang dipanggil “SaveME999” telah dilancarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, TM Berhad dan disokong oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat demi manfaat Orang Kurang Upaya (OKU).

TAMAT

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi: Tel: +603 8688 8000
Faks: +603 8688 1007 E-mel: scd@cmc.gov.my